



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 15 OGOS 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 15 Ogos 2021 (jam 12:00 tengah hari);


- Kes sembuh : **16,945 kes** (1,145,128 kes kumulatif, 81.5%);
- Kes baharu : **20,546 kes** (1,404,899 kes kumulatif);
- Kes import : **14 kes** (1 warganegara, 13 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **20,532 kes** [17,273 warganegara (84.1%); 3,259 bukan warganegara (15.9%)];
- Kes aktif : **247,261 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,059 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **526 kes**;
- Kes kematian : **282 kes** [12,510 kes kumulatif, 0.89%];

214 warganegara, 68 bukan warganegara; 101 kes BID (46 warganegara; 55 bukan warganegara)];

- Jumlah kluster : **4,183 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **29 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,866 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,317 kluster**.

Daripada **20,546 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **373 kes (1.8 peratus)** adalah daripada kategori 3, 4 dan 5. Manakala sebanyak **20,173 kes (98.2 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2. Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa COVID-19. Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

Secara keseluruhan, **17,802 kes (86.64 peratus)** daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini tiada atau tidak lengkap vaksinasi. Dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius. Diharapkan ini akan mengurangkan jangkitan COVID-19 di dalam negara, terutamanya kes di kategori 3 hingga 5. Status vaksinasi COVID-19 mengikut kategori adalah seperti Rajah 1.



Rajah 1 Status Imunisasi COVID-19 Harian Mengikut Kategori

Sebanyak **282 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **108 kes** di Selangor, **45 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **44 kes** di Johor, **24 kes** di Pulau Pinang, **15 kes** di Kedah, **13 kes** di Perak, **sembilan (9) kes** di Sabah, masing-masing **enam (6) kes** di Sarawak dan Melaka, **lima (5) kes** di Negeri Sembilan, **empat (4) kes** di Pahang, dan **tiga (3) kes** di Kelantan.

## KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU $R_0$ / $R_T$ (STATUS SEHINGGA 14 OGOS 2021)

Berdasarkan data terkini pada **14 Ogos 2021**, nilai  $R_T$  Malaysia adalah sebanyak 1.05. Negeri yang mencatatkan nilai  $R_T$  yang tertinggi adalah Perlis (nilai  $R_T$  1.47), diikuti oleh Kelantan (nilai  $R_T$  1.20), serta Sabah dan Pulau Pinang (masing-masing nilai  $R_T$  1.17). Semua negeri mencatatkan  $R_T$  melebihi 1.0 kecuali Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Perincian jumlah dan purata kes mengikut negeri, kes-kes kematian, kluster-kluster baharu, dan Nilai  $R_T$  mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3, 4, dan 5 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

15 Ogos 2021 @ 6:45 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 15 OGOS 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>PURATA KES 7 HARI*</b>	<b>KADAR INSIDEN **</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU ( )***</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	6,773	100.85	7,307	512,654
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	2,001	104.70	1,442	154,499
<b>KEDAH</b>	1,659	73.18	1,596	68,632
<b>SABAH</b>	1,602	39.59	1,665	105,102
<b>JOHOR</b>	1,481	37.73	1,508	110,845
<b>PULAU PINANG</b>	1,131	62.59	1,111	60,311
<b>KELANTAN</b>	1,085	55.37	1,025	57,116
<b>PERAK</b>	921	35.26	1,069	50,582
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	865	74.44	698	84,869
<b>SARAWAK</b>	802	27.57	963	87,006
<b>PAHANG</b>	607	34.71	926	33,774
<b>MELAKA</b>	560	57.59	631	39,527
<b>TERENGGANU</b>	511	39.48	534	24,316
<b>WP PUTRAJAYA</b>	58	60.86	47	4,881
<b>PERLIS</b>	30	11.44	21	1,042
<b>WP LABUAN</b>	5	4.43	3	9,743
<b>MALAYSIA</b>	<b>20,091</b>	<b>58.68</b>	<b>20,546 (14)</b>	<b>1,404,899</b>

\*Tidak termasuk kes import A (luar negara) dan di Penjara/Lokap/Depot Tahanan Imigresen (DTI)

\*\*Purata kes 7 hari bagi setiap 100,000 penduduk

\*\*\*Kes import

## LAMPIRAN 2

Ringkasan 282 kes kematian pada 15 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Kes	Jantina		Kewarganegaraan		Tempat Kematian						Sejarah Penyakit
		L*	P*	WN**	BWN**	Hospital			BID***			
						Jumlah	WN**	BWN**	Jumlah	WN**	BWN**	
Selangor	108	60	48	76	32	59	53	6	49	24	25	75
WP Kuala Lumpur	45	20	25	16	29	14	13	1	31	3	28	19
Johor	44	26	18	42	2	40	39	1	4	3	1	34
Pulau Pinang	24	13	11	24	-	15	15	-	9	9	-	19
Kedah	15	8	7	15	-	15	15	-	-	-	-	13
Perak	13	7	6	13	-	11	11	-	2	2	-	11
Sabah	9	6	3	4	5	6	2	4	3	2	1	8
Sarawak	6	4	2	6	-	4	4	-	2	2	-	6
Melaka	6	3	3	6	-	6	6	-	-	-	-	5
Negeri Sembilan	5	4	1	4	1	5	4	1	-	-	-	4
Pahang	4	2	2	4	-	4	4	-	-	-	-	4
Kelantan	3	1	2	3	-	2	2	-	1	1	-	2
<b>Jumlah</b>	<b>282</b>	<b>154</b>	<b>128</b>	<b>213</b>	<b>69</b>	<b>181</b>	<b>168</b>	<b>13</b>	<b>101</b>	<b>46</b>	<b>55</b>	<b>200</b>

\*L merujuk kepada lelaki dan P merujuk kepada perempuan

\*\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

\*\*\*BID merujuk kepada *Brought In Dead*



### LAMPIRAN 3

Perincian 20,546 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 15 Ogos 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	7,307	282	4,240	3	2,782
SABAH	1,665	226	915	-	524
KEDAH	1,596	155	831	-	610
JOHOR	1,508	325	818	-	365
WP KUALA LUMPUR	1,442	121	682	3	636
PULAU PINANG	1,111	60	402	-	649
PERAK	1,069	137	288	-	644
KELANTAN	1,025	63	652	-	310
SARAWAK	963	82	670	2	209
PAHANG	926	321	455	6	144
NEGERI SEMBILAN	698	9	372	-	317
MELAKA	631	160	306	-	165
TERENGGANU	534	63	406	-	65
WP PUTRAJAYA	47	-	32	-	15
PERLIS	21	7	6	-	8
WP LABUAN	3	-	3	-	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>20,546</b>	<b>2,011</b>	<b>11,078</b>	<b>14</b>	<b>7,443</b>

\* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

**LAMPIRAN 4****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 15 OGOS 2021**

<b>NO</b>	<b>NAMA KLUSTER</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>KATEGORI KLUSTER</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH DISARING</b>
1	Industri Puncak Alam Enam	Selangor	Kuala Selangor	Tempat Kerja	15	30
2	Industri Jalan Jurunilai	Selangor	Klang dan Petaling	Tempat Kerja	160	1,105
3	Industri Alam Jaya 2/1 2	Selangor	Kuala Selangor	Tempat Kerja	30	61
4	Tapak Bina Persiaran Grandeur	Selangor	Kuala Selangor	Tempat Kerja	36	56
5	Jalan Tahana Tampoi	Johor	Johor Bahru	Tempat Kerja	29	53
6	Jalan Sri Plentong Lapan	Johor	Johor Bahru	Tempat Kerja	22	38
7	Industri Angkasa Mas Utama	Johor	Johor Bahru	Tempat Kerja	27	83
8	Jalan Tahana Tampoi Dua	Johor	Johor Bahru	Tempat Kerja	15	36
9	Industri Jalan Minyak Beku	Johor	Batu Pahat	Tempat Kerja	13	300
10	Industri Jalan 6/44 Padang Tembak	Kelantan	Kota Bharu dan Tumpat	Tempat Kerja	9	22
11	Cabang Empat Gunong	Kelantan	Kota Bharu dan Bachok	Tempat Kerja	9	45
12	Tapak Bina Jalan Universiti	Perak	Kampar	Tempat Kerja	33	422
13	Tapak Bina Jalan Bemban	Perak	Kinta	Tempat Kerja	67	87

14	Tapak Bina Jalan Sri Hartamas	WP Kuala Lumpur	Kepong	Tempat Kerja	61	169
15	Dah Tujuh Industri Sungai Petani	Kedah	Kuala Muda	Tempat Kerja	34	95
16	Segama Batu Satu Lahad Datu	Sabah	Lahad Datu	Tempat Kerja	18	39
17	Zon Industri Jejawi	Perlis	Kangar	Tempat Kerja	23	27
18	Kampung Che Bee Salor	Kelantan	Kota Bharu	Komuniti	13	20
19	Kampung Perupok Tikat	Kelantan	Kota Bharu	Komuniti	11	19
20	Kampung Berek Pak Tua Long	Kelantan	Pasir Mas	Komuniti	24	54
21	Kampung Bongkok Kerayong	Pahang	Bera	Komuniti	41	128
22	Kampung Luit Maran	Pahang	Maran	Komuniti	20	33
23	Paka Kawiyan	Sabah	Ranau	Komuniti	41	132
24	Tangkuyan	Sabah	Kinabatangan	Komuniti	129	310
25	Batu 16 Sumun	Perak	Hilir Perak	Komuniti	27	67
26	Dah Kampung Pasir	Kedah	Kubang Pasu	Komuniti	38	84
27	Kampung Sungai Laruh	Sarawak	Kuching	Komuniti	13	81
28	Jalan Cheras 2	Selangor	Hulu Langat	Kumpulan Berisiko Tinggi	15	36
29	Jalan Sentosa Rawang	Selangor	Gombak	Kumpulan Berisiko Tinggi	26	101

**LAMPIRAN 5****NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 14 OGOS 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
<b>PERLIS</b>	1.47
<b>KELANTAN</b>	1.20
<b>SABAH</b>	1.17
<b>PULAU PINANG</b>	1.17
<b>SARAWAK</b>	1.13
<b>KEDAH</b>	1.11
<b>PERAK</b>	1.11
<b>JOHOR</b>	1.10
<b>PAHANG</b>	1.06
<b>TERENGGANU</b>	1.04
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	1.02
<b>SELANGOR</b>	1.02
<b>MELAKA</b>	1.01
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	1.00
<b>WP PUTRAJAYA</b>	0.89
<b>WP LABUAN</b>	0.00
<b>MALAYSIA</b>	<b>1.05</b>